

Pengurusan Identiti Bangsa Dalam Trilogi Karya Hamka *Management of National Identity in Trilogy by Hamka*

*Fathin Noor Ain Ramli**
**aennramli@gmail.com*

Azhar Hj. Wahid,
azhar@fbk.upsi.edu.my

A. Halim Ali
halim.ali@fbk.upsi.edu.my
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Received: 1 April 2021; Published: 26 May 2021

Ramli, A., Wahid, A., & Ali, A. H. (2021). Pengurusan Identiti Bangsa Dalam Trilogi Karya Hamka. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9 (1), 33 - 48. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/141>

ABSTRAK

Penerapan disiplin pengurusan di dalam bidang kesusasteraan masih lagi baru dan dilihat semakin berkembang rancak sejajar dengan relevansinya bagi mengukuhkan bidang sastera di tanah air. Penulisan makalah ini adalah mengenal pasti pengurusan identiti bangsa Melayu iaitu melalui elemen imej yang dilihat sebagai salah satu elemen penting dalam pembinaan identiti bangsa. Kajian ini merupakan kajian kualitatif bertujuan menganalisis tiga buah novel karya Hamka yang bertajuk *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau Ke Deli* dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah*. Prinsip Pengurusan yang kedua iaitu pengorganisasian telah menjadi landasan utama dan digabungkan dengan teori pengurusan iaitu 14 Prinsip Asas Pengurusan oleh Henry Fayol. Imej yang dibawa oleh tiga orang watak utama di dalam novel ini iaitu Zainuddin (TKVDW), Poniem (MKD) dan Hamid (DBLK) akan diteliti bagi melihat pembinaan identiti watak di plot permulaan sehinggalah ke plot pengakhiran novel. Hasil dapatan telah membuktikan bahawa prinsip pengorganisasian telah diaplikasikan oleh setiap watak bagi mencapai matlamat dan menghadapi sebarang konflik dalam kehidupan mereka. Selain itu, imej Melayu transisi yang dimiliki oleh Zainuddin dan Poniem serta imej Melayu tradisi bagi Hamid telah mencerminkan identiti yang dimiliki oleh bangsa Melayu di dalam novel-novel pilihan. Prinsip disiplin, mengutamakan kepentingan organisasi, rangkaian skala dan semangat kekitaan yang diketengahkan oleh Henry Fayol telah menyumbang kepada pengukuhan dalam pengurusan imej terhadap semua watak. Kesimpulannya, pengurusan yang baik adalah sangat penting dalam melahirkan seseorang individu dan bangsa yang mempunyai identiti yang teguh. Maka, pengurusan yang baik haruslah dipergiatkan dari semasa ke semasa.

Kata Kunci: Pengurusan, Identiti, Bangsa, Kesusasteraan Melayu, Imej, Trilogi

ABSTRACT

*The application of management in literature is still new and is seen to be growing rapidly in line with its relevance to strengthen the field of literature in our country. This paper is written to identify the Malay identity management through the element of image which is seen as one of the key elements in constructing the nation identity. This study is a qualitative study that will analyze three novels by the famous Indonesian author, Hamka entitled *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau Ke Deli**

and Di Bawah Lindungan Ka'bah. The second principle of management (organizing) has become the main foundation and was combined with management theory which is 14 Basic Principles of Management by Henry Fayol. The images brought by the three main characters in this novel; Zainuddin (TKVDW), Poniem (MKD) and Hamid (DBLK) will be examined to see the construction of character identity in the beginning until the ending of the novel. The findings have proved that the principles of organizing have been applied by the characters to achieve their goals and face any conflicts in their life. In addition, the Malays transition image showed by Zainuddin and Poniem and the Malay tradition identity owned by Hamid reflect the whole Malay identity presented in these novels. The principles of discipline, prioritizing organizational importance, chain of scale and a sense of belonging highlighted by Henry Fayol have contributed to the strengthening management of image to all characters. In conclusion, a good management is very important in producing an individual and a nation that has a strong identity. Therefore, a good management must be intensified from time to time.

Keywords: Managemnet, Identity, Nation, Malay Literature, Image, Trilogy

PENGENALAN

Pengurusan amat penting dalam memastikan segala proses gerak kerja yang dilakukan, pembentukan bagi sesuatu perancangan bagi sesebuah organisasi dan segala tindakan yang bakal dilaksanakan dapat dijalankan secara teratur. Pengurusan cekap dan sistematik dapat mengelakkan sebarang permasalahan dan konflik ketika proses gerak kerja yang dilakukan. Menurut Daft (1997), pengurusan dilakukan melalui proses perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan sumber-sumber organisasi. Dua elemen penting yang ditekankan dalam definisi ini ialah fungsi pengurusan yang mana mempunyai empat iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan manakala keduanya adalah matlamat organisasi dicapai mengikut kaedah yang berkesan dan cekap. Bagi seseorang pelaksana kepada pengurusan yang dikenali sebagai pengurus adalah merupakan individu yang sangat penting bagi mengemudi kelompok organisasi dalam melaksanakan gerak kerja sesebuah yang telah dibentuk. Namun begitu, hakikatnya bahawa semua individu yang terlibat dalam sesebuah organisasi tidak kira sama ada melibatkan organisasi syarikat atau organisasi sesebuah masyarakat adalah merupakan pengurus terutamanya dalam kehidupan seharian mereka sendiri.

Terdapat empat prinsip utama dalam bidang pengurusan iaitu prinsip perancangan, prinsip pengorganisasian, prinsip kepimpinan dan prinsip pengawalan. Keempat-empat prinsip ini saling memerlukan dan mempunyai peranan yang dominan dalam membentuk pengurusan yang sangat cekap. Merujuk kepada Certo (1997) yang dipetik dari Azzat Mohd Nasurdin, Intan Osman, Zainal Ariffin Ahmad (2006), prinsip perancangan adalah merupakan proses bagaimana sistem pengurusan organisasi boleh mencapai matlamatnya. Ini bermaksud sesebuah organisasi boleh merangka satu tindakan yang bakal diambil bagi memastikan target yang ditetapkan oleh organisasi mereka dapat tercapai seperti mana yang dikehendaki. Bagi pengorganisasian pula adalah bermaksud proses mengagihkan dan menyusun sumber manusia dan bukan manusia supaya pelan dapat dilaksanakan dengan jayanya (Bartol & Martin, 1994). Semasa proses pengorganisasian dilaksanakan, segala tindakan bagi memastikan matlamat tercapai dan diagihkan kepada seluruh anggota organisasi mengikut dan berdasarkan peranan yang telah dipertanggungjawabkan.

Prinsip ketiga adalah prinsip kepimpinan yang mana menurut Robbins and Coutler (2005) mentakrifkan kepimpinan sebagai proses yang mempengaruhi kumpulan ke arah pencapaian matlamat. Prinsip ini telah banyak menjadi tumpuan kerana aspek kepimpinan menjadi sumber utama dan asas kepada individu terutamanya yang bertindak sebagai ketua atau pengurus. Prinsip yang terakhir iaitu pengawalan pula merupakan fungsi atau peranan terakhir dalam bidang pengurusan. Menurut Certo (1997) ianya merupakan usaha yang sistematik untuk membandingkan prestasi dengan piawaian, pelan atau objektif yang telah ditetapkan sebelumnya untuk menentukan sama ada prestasi adalah konsisten dengan piawaian atau pun prestasi tersebut perlu diperbaiki. Empat prinsip pengurusan ini saling memerlukan dan mempunyai peranan yang tersendiri dalam memastikan

pengurusan yang sistematik dapat dikekalkan sepanjang masa. Apabila salah satu daripada prinsip ini pincang dan tidak dapat mendokong antara satu sama lain, sudah pasti akan terdapat permasalahan dan isu yang akan tercetus.

Pendekatan pengurusan dalam sastera pertama kalinya telah diperkenalkan oleh Profesor Dr. Mohammad Mokhtar Abu Hassan ketika beliau membentangkan kertas kerja di Seminar Himpunan Ilmuwan Sasterawan Melayu (HISMA) yang telah diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 2013. Beliau adalah pelopor pertama kepada pendekatan pengurusan di dalam bidang kritikan sastera di Malaysia. Menurut Mohammad Mokhtar berpendapat bahawa pengaplikasian disiplin pengurusan sebagai metod baru dalam dunia kritikan sastera adalah sangat bersesuaian dengan atmosfera sastera moden di tanah air (Fathin Noor Ain & Azhar Wahid, 2019). Tajuk kertas kerja yang telah dibentangkan iaitu Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Dunia Kritikan telah mengenengahkan lima prinsip pengurusan Prinsip Perancangan, Prinsip Kepimpinan, Prinsip Pengorganisasian, Prinsip Penstafan Dan Prinsip Pengawalan. Lima prinsip ini dapat diterapkan bagi menganalisis struktur teks sesebuah karya iaitu meliputi watak, perwatakan, nilai, isu, persoalan, latar dan juga pemikiran yang dibawa oleh pengarang di dalam karya-karya sastera (Mohamad Zubir Ismail & Mohammad Mokhtar Hassan, 2017).

Kebanyakan karya sastera dihasilkan oleh pengarang dengan menjadikan persekitaran sekeliling mereka sebagai sumber idea yang utama. Proses ini sungguh rapat dan begitu sinonim dalam menceritakan perihai yang telah berlaku, belum berlaku tetapi dirasakan akan berlaku oleh pengarang dan mungkin juga adalah daya imaginasi pengarang semata-mata. Sebagai contohnya novel yang bertajuk *Ranjau Sepanjang Jalan* yang merupakan sebuah novel berilhamkan kehidupan dan kejadian sebenar yang terjadi dalam sebuah masyarakat iaitu penderitaan yang dihadapi oleh masyarakat tani yang terpaksa membanting tulang empat kerat mereka bagi mencari rezeki (Fathin Noor Ain Ramli & Azhar Wahid, 2019). Shahnon Ahmad (1991) meletakkan bahawa novel ini adalah satu 'seismograf' yang mana adalah hasil dari penganalisisan terhadap realiti masyarakat yang sebenar dan bukannya yang direka semata-mata. Secara tidak langsung, identiti sesebuah bangsa akan digambarkan oleh pengarang kepada para pembaca walaupun mereka bukanlah dari latar masyarakat yang sama sebagaimana yang terdapat dalam novel tersebut. Watak dan perwatakan yang dibina oleh pengarang pada masa yang sama juga menggambarkan individu-individu yang menganggotai sesebuah masyarakat, negara dan bangsa. Kepelbagaian ini telah mewujudkan keunikan dan identitinya yang tersendiri.

Bagi meneliti aspek pengurusan identiti, konsep identiti haruslah terlebih dahulu difahami bagi mengenal pasti elemen-elemen yang boleh membantu kepada pembinaan identiti sama ada bagi individu, masyarakat dan bangsa. Bagi Nurul Izzah Sidek (2011) menyatakan bahawa identiti dikaitkan dengan asas-asas yang fitrah yang sedia ada bagi sesuatu bangsa itu. Ianya adalah menggambarkan tentang budaya gaya hidup, pemikiran dan juga sistem nilai yang dipegang oleh sesuatu bangsa ataupun dengan lebih mudah untuk difahami adalah identiti itu merupakan tiruan ataupun cerminan kepada masyarakat terbabit. Menurut Paul Morris (2005) menyatakan bahawa identiti itu adalah gabungan dari dua tanggapan metafizikal iaitu antara individu dan negeri yang mana ianya adalah identiti peribadi dan identiti kebangsaan. Beliau menegaskan seseorang individu itu harus menjadi seseorang yang berpesonaliti dan membina satu identiti dari sumber budaya yang mereka miliki dan punyai. Abdul Rahman Embong (1999) menyatakan bahawa identiti merupakan sesuatu yang bersifat individu. Ia melibatkan cara bagaimana individu itu cuba memahami dunia di sekitarnya. Ianya juga adalah berkaitan dengan identiti kolektif yang membentuk identiti masyarakat kerana hidup bermasyarakat merupakan ciri-ciri utama kewujudan manusia. Identiti yang dipertontonkan ini juga akan diterima bagi menjadi identiti individu atau identiti masyarakat setelah ia diamalkan oleh individu atau masyarakat tersebut apabila ianya berubah menjadi identiti takrifan harian berdasarkan pengalaman dalam kehidupan seharian individu tersebut sebagai pelaku sosial. Manakala Zaidi Ahmad, Azhar Wahid & A. Halim Ali, (2020) menyebutkan bahawa dalam konteks negara Malaysia, identiti insan seutuhnya yang ingin dibina, dibangunkan serta dilahirkan seterusnya menzahirkan dirinya sebagai insan seimbang dari segala aspek hidup dan kehidupannya merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan inteleknya.

Bagi Manuel (1997) pula membicarakan identiti sebagai maksud simbolik berdasarkan tujuan seseorang sama ada oleh pelaku ataupun daripada orang lain. Sesungguhnya, identiti yang terbentuk oleh seseorang itu mempunyai sebab dan tujuannya yang tersendiri. Antara sebab dan tujuan ini boleh

berpunca dari beberapa faktor seperti nilai sejarah, geografi, biologi, peranan yang digalas oleh institusi terbabit, pengalaman-pengalaman yang telah dilalui, harapan, ideologi serta kepercayaan dalam agama. Kesemua punca-punca terbabit kemudiannya disesuaikan dengan keperluan, maksud dan keadaan masyarakat serta suasana semasa keadaan persekitaran. Menyetujui definisi identiti oleh Nurul Izzah Sidek (2011), Paul Morris (2015), Abdul Rahman Embong (1999) dan Manuel (1997), dapat disimpulkan bahawa persamaan konsep identiti yang cuba dijelaskan oleh mereka yang utamanya adalah budaya dan seterusnya merangkumi imej, bahasa dan juga agama. Keempat-empat elemen ini dilihat sebagai asas dominan yang dapat membentuk identiti terutamanya identiti bangsa Melayu. Justeru itu, kajian ini bakal meneliti pembinaan identiti melalui keempat-empat aspek tersebut kerana ianya dilihat mampu mempengaruhi pembinaan identiti seseorang individu dan dalam masa yang sama juga membawa kepada pembinaan identiti sesebuah bangsa itu sendiri.

Namun bagi penelitian ini, hanya satu elemen yang menjadi tumpuan iaitu elemen imej sebagai penyumbang kepada pembentukan identiti yang akan difokuskan. Bagi melihat perkembangan identiti melalui watak yang dibina oleh pengarang, pembinaan perwatakan berdasarkan plot penceritaan novel adalah sangat bersesuaian. Menurut Chek Mat (2007), perkataan imej adalah merupakan perkataan yang berasal daripada perkataan Latin iaitu *imago* yang dikaitkan dengan imitari bermaksud menyerupai atau peniruan. Imej juga sering kali dihubungkan dengan stereotaip iaitu kepercayaan secara umum berkenaan dengan sekumpulan manusia yang mana kesemua individu dalam kumpulan tersebut dilabelkan dengan melihat perlakuan ahli dalam kumpulan tersebut. Manakala bagi Merrill (1962) pula mentakrifkan bahawa ia adalah merupakan satu sistem karakter kumpulan atau benda yang mengikut tanda atau label yang diberikan. Pemaparan imej yang berlainan oleh pengarang melalui setiap watak oleh pengarang adalah merupakan mencerminkan hakikatnya satu realiti dunia yang sebenar dalam dunia nyata dan inilah yang menjadi fokus utama penelitian terhadap imej-imej watak dalam trilogi novel Hamka ini.

SOROTAN LITERATUR

Beberapa kajian yang dilakukan pengkaji di Malaysia telah disoroti bagi memahami persoalan pembinaan identiti. Antaranya adalah kajian yang dilakukan oleh Sa'Adiah Mat Alip yang bertajuk *Sikap Bahasa dan Identiti: Kajian Kes Masyarakat Narum, Sarawak* (2011). Kajian ini bertujuan untuk mengetahui hubungan antara bahasa (dialek) dengan identiti bagi masyarakat Narum yang terletak di Sarawak. Kajian yang berbentuk kualitatif ini telah menggunakan kaedah lapangan bagi memperolehi data secara langsung daripada responden-responden yang terlibat. Hasil keputusan kajian telah mendapati bahawa majoriti penutur bahasa Etnik Narum tidak begitu menyintai bahasa mereka walaupun pada sebenarnya mereka menyatakan bahawa mereka sangat mencintai bahasa inbunda mereka. Ini kerana perasaan kecintaan yang dimiliki oleh mereka hanyalah bersifat imaginasi yang hanya dapat dilihat daripada sikap mereka yang afektif. Berdasarkan dapatan kajian juga, terdapat segelintir di antara mereka yang telah hilang kepercayaan dan keyakinan pada bahasa mereka sendiri. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang sangat signifikan antara bahasa dan identiti yang dapat dilihat daripada sikap afektif dan bukan pada sifat imaginasi.

Seterusnya adalah merupakan kajian yang telah dilakukan oleh Wan Sallha Yusoff, Nurul Syazwani, Ahmad Fahmi Mahmood dan Noor Asliza Abdul Rahim daripada Universiti Malaysia Perlis dengan tajuk *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penentuan Identiti Diri Remaja Melayu*. Tujuan kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi remaja lelaki dan remaja perempuan Melayu bagi menentukan identiti mereka. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan teknik menganalisis data-data yang diperolehi dengan menggunakan *Statistical Package For The Social Sciences (SPSS)*. Responden-responden yang terlibat terdiri daripada pelajar jurusan kejuruteraan dan perniagaan dari tahun satu hingga tahun empat, berbangsa Melayu dan berumur di antara 19 hingga 25 tahun. Keputusan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif di antara faktor-faktor yang mempengaruhi ibu bapa, ekonomi, rakan sebaya, pendidikan dan media massa dalam membentuk identiti pelajar-pelajar ini. Bagi pelajar Melayu perempuan pula, hubungan positif hanyalah di antara faktor-faktor pengaruh ibu bapa, pendidikan dan ekonomi dalam pembentukan identiti mereka.

Berikutnya adalah kajian oleh Haryati Abdul Karim yang bertajuk *Globalisasi, Penggunaan Media dan Identiti Hibrid di Kalangan Remaja Malaysia* yang bertujuan menumpukan melihat peranan etnisiti dan agama yang mana adalah asas kepada identiti budaya tempatan bagi kehidupan seseorang remaja dalam dunia globalisasi. Temubual berkumpulan telah dijalankan secara berfokus dan tinjauan menggunakan kaedah diari terhadap 48 orang remaja Melayu, Cina, Inida dan Kadazan Dusun. Dapatan yang diperolehi telah membawa kepada dua proses pembentukan identiti iaitu pengukuhan identiti budaya tempatan dan pencampuran nilai budaya global seperti liberalisme sebagai sebahagian identiti remaja. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa nilai liberalisme yang disanjung oleh remaja adalah asas untuk mereka memperdebatkan pandangan dominan dalam negara.

Seterusnya, kajian oleh Yuszaidy Mohd Yusoff dan Muammar Ghaddaffi Hanafiah (2015) dengan tajuk *Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia* yang telah menganalisis perubahan system nilai masyarakat Melayu pada masa kini di mana mereka telah mengalami perubahan dalam teknologi serta globalisasi. Perubahan ini ternyata telah memberi kesan kepada sistem nilai masyarakat Melayu. Kajian berbentuk kualitatif ini telah menggunakan kaedah kepustakaan untuk mencari sumber maklumat kedua dan kerja lapangan pula digunapakai dalam memperolehi data mentah kajian yang bersesuaian. Keputusan kajian yang diperolehi telah mendapati bahawa sistem nilai masyarakat Melayu telah mengalami perubahan yang sangat teruk berbanding dengan sistem nilai masyarakat Barat. Keputusan kajian juga telah membuktikan bahawa ia berhasil mengangkat sistem nilai Melayu sebagai jati diri masyarakat Melayu kini atau Melayu moden.

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf dan Abdul Fatah (2012) pula adalah bertujuan untuk membincangkan pengaruh agama Islam dalam membina jati diri bangsa Melayu. Penyebaran agama Islam yang telah bermula pada abad ke-13 Masihi di Tanah Melayu telah membentuk corak dan gaya kehidupan seharian selain adat dan budaya. Ketika penyebaran tersebut berlaku, penerimaan terhadap agama Islam telah diterima dengan baik dan telah diperakui sebagai cara hidup masyarakat Melayu pada ketika itu. Masyarakat Melayu pada ketika itu telah mengubah gaya hidup seharian mereka agar tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Malangnya, jati diri bangsa Melayu dilihat telah semakin luntur lantaran arus modenisasi dan telah mengakibatkan bangsa Melayu dilihat tidak berupaya mempertahankan diri mereka untu dipengaruhi oleh budaya Barat yang tidak sesuai dengan budaya Timur. Islam adalah merupakan asas utama dalam memastikan pembentukan jati diri bangsa Melayu selain adat dan budaya yang telah diwarisi sejak zaman nenek-moyang selagi ianya tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Bagi memperkukuhkan jati diri mereka, bangsa Melayu haruslah menjadikan agama Islam sebagai sumber rujukan utama serta panduan dalam mendidik masyarakat Melayu. Sesungguhnya, agama Islam telah berjaya membina tamadun Melayu yang sangat gah pada zaman dahulu. Maka, sebagai masyarakat yang mempunyai rasa tanggungjawab, seharusnya ajaran agama Islam dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Abdul Halim Ali (2006) menegaskan pentingnya masyarakat Melayu masa kini mengambil pengajaran-pengajaran daripada persuratan Melayu tradisional yang banyak mengisi elemen didaktisme dan moral.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sesebuah bangsa dianggotai oleh masyarakat dan individu yang berada dalam kumpulan tertentu dan berasal dari tempat yang berbeza dek kerana persempadanan politik serta pemerintahan, tetapi apa yang meletakkan mereka dalam kebersamaan adalah apabila mereka mendokong dan berpegang teguh kepada adat, agama dan undang-undang yang sama. Setelah menyedari kepentingan dalam membina sebuah negara dan bangsa yang mempunyai identiti yang teguh, kerajaan telah menetapkan salah satu teras startegik dalam pembangunan negara dalam *Rancangan Malaysia kesebelas* iaitu dengan menetapkan teras ketiga adalah untuk Meningkatkan Pembangunan Modal Insan Untuk Negara Maju (*Rancangan Malaysia kesebelas*, 2016) dalam usaha ke arah pembentukan identiti yang teguh. Pembangunan ini dilihat sebagai salah satu faktor yang memainkan peranan penting bagi memastikan perkembangan sektor ekonomi negara. Tumpuan di dalam teras ketiga ini adalah menunjukkan inisiatif kerajaan yang berusaha secara serius untuk membina sebuah negara bangsa yang mempunyai modal insan yang tinggi. Ini telah jelas dinyatakan di dalam perancangan tersebut iaitu;

Pembangunan modal insan merupakan pemboleh penting bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan menyokong peralihan semua sektor kepada aktiviti berintensif pengetahuan. Pasaran buruh yang cekap dan berkesan perlu untuk menarik pelaburan bagi membolehkan rakyat mengambil bahagian dalam aktiviti ekonomi dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi.

(Rancangan Malaysia kesebelas, 2016: 9)

Usaha kerajaan yang cuba mengimbangi kemajuan dan pembangunan negara dengan meletakkan modal insan sebagai teras strategik sudah pastinya akan melibatkan sebahagian besar kewangan negara juga akan diperuntukkan bagi memastikan pengurusan terhadap perancangan yang akan dijalankan berjalan dengan lancar. Sebagai contohnya, melalui bidang pendidikan apabila Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga lepas Menengah) atau PPPM telah dilancarkan pada tahun 2013. Tumpuan utama pelan ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran kepimpinan, kemahiran bahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional untuk berjaya dalam abad ke-21 (*Rancangan Malaysia kesebelas, 2016*). Justeru itu, ini telah jelas membuktikan relevansi untuk menitikberatkan pembentukan identiti yang teguh bagi sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Rakyat berkeyakinan tinggi, mempunyai kecerdasan emosi dan rohani serta mampu berkomunikasi dengan berkesan dan memiliki daya kepimpinan yang boleh memberi inspirasi kepada masyarakat dalam dan luar negara untuk mencapai kecemerlangan (*Rancangan Malaysia kesebelas, 2016*).

Berdasarkan kepada kesinambungan dalam beberapa siri Rancangan Malaysia yang telah dibentangkan oleh pihak kerajaan, pembinaan identiti individu, masyarakat lintas bangsa itu sendiri sangat relevan untuk diteruskan mengikut kesesuaian yang diperlukan mengikut perubahan semasa yang berlaku dalam dunia seharian. Bagi memastikan kelangsungan sesebuah bangsa, ianya amat bergantung kepada usaha sesebuah bangsa itu untuk memiliki khazanah yang disebut manfaat dalam segala bentuk; kekuatan intelektual, moral dan material yang semunaya didasari semangat kebaktian kemanusiaan (Siddiq Fadzil, 2012). Kerugian dan malangnya bagi sesebuah negara jika mereka hanya terkenal di seluruh pelusuk dunia tetapi hakikatnya mereka secara perlahan-lahan kehilangan identiti mereka sendiri. Sikap mementingkan diri sendiri, tiada nilai perikemanusiaan dan hilang kesantunan dari segi berbahasa menjadi kebiasaan buat diri mereka. Bagi bangsa Melayu selaku bangsa yang mempunyai jumlah majoriti yang besar daripada populasi warganegara, mereka menjadi tunjang utama kepada identiti masyarakat Malaysia di mata pemerhati-pemerhati dari dalam atau luar negara bagi menterjemahkan identiti negara Malaysia pada amnya dan bangsa Melayu secara khususnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah merupakan kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan data-data kepustakaan; Kaedah analisis kandungan teks dan kaedah analisis deksriptif digunakan bagi menjawab persoalan kajian ini. Tiga buah novel hasil karya Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (TKVDW), *Merantau ke Deli* (MKD) dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (DBLK) yang diterbitkan oleh PTS Publications & Distributors Sdn Bhd pada tahun 2015 telah dipilih sebagai sumber utama kajian. Pembacaan secara teliti dan mendalam ke atas setiap novel dilakukan untuk memahami pembinaan watak dan perwatakan setiap watak utama dalam tiga buah novel tersebut iaitu Zainuddin (TKVDW), Poniem (MKD) dan Hamid (DBLK). Perubahan bagi tiga orang watak ini pada peringkat permulaan novel sehinggalah pada bahagian pengakhiran di dalam plot penceritaan dikenal pasti bagi melihat pengurusan identiti yang telah dilakukan oleh watak melalui prinsip pengorganisasian. Salah satu daripada elemen yang membentuk identiti iaitu imej juga telah dikenal pasti mampu mengukuhkan identiti bangsa Melayu dengan penerapan dan dokongan daripada 14 Prinsip Pengurusan oleh Henry Fayol bagi membina identiti bangsa Melayu yang unggul.

Prinsip Pengorganisasian Dalam Pengurusan

Mohd Hizam Hahafiah dan Zafir Mohd Makhbul (2003) menyatakan bahawa pengorganisasian adalah

proses yang menggabungkan satu atau lebih individu supaya dapat bekerja secara berstruktur untuk mencapai tujuan yang ditetapkan. Kejayaan untuk menjalankan proses pengorganisasian yang teratur dan baik dapat mendorong sesebuah organisasi mencapai matlamat yang telah dibina. Kebergantungan antara individu di dalam kumpulan adalah penyumbang utama kepada kejayaan bagi proses pengorganisasian. Mereka haruslah mempunyai asas hubungan yang sangat kukuh di antara satu sama lain dan saling bertanggungjawab terhadap peranan yang telah digalas. Sebagaimana di dalam sesebuah karya, watak adalah merupakan jelmaan kepada individu yang menganggotai masyarakat di dalam novel yang telah ditulis oleh pengarang bersesuaian dengan plot penceritaan. Setiap hasil karya yang dihasilkan sebenarnya telah menggambarkan organisasi masyarakat yang berbeza untuk disesuaikan dengan jalan cerita serta gaya kepengarangan bagi seseorang pengarang. Setiap pengarang juga mempunyai gaya dan teknik cerita yang berbeza dalam usaha mengenangkan tema, persoalan, nilai dan pengajaran melalui novel yang ditulis.

Semasa fasa pengorganisasian berlaku dan diaplikasikan dalam usaha mencapai matlamat, kebiasaannya prinsip-prinsip pengorganisasian dan proses-proses pengorganisasian akan diterapkan. Bagi bidang pengurusan yang melibatkan organisasi syarikat, sudah pasti pihak pengurusan akan menubuhkan jabatan atau bahagian yang akan memainkan peranan masing-masing dengan peranan-peranan yang tertentu agar segala sumber syarikat seperti manusia, fizikal, kewangan atau pemasaran berjalan dengan sepatutnya. Maka, adalah amat penting bagi sesebuah pasukan gerak kerja yang ditubuhkan memainkan peranan masing-masing sebagaimana bidang kuasa yang telah diberi. Menurut Jaafar Muhamad (2003), terdapat empat proses dalam pengorganisasian iaitu menentukan kerja-kerja yang mesti dijalankan bagi mencapai objektif yang telah dirangka, mengumpulkan tugas yang telah disenaraikan ke dalam kumpulan aktiviti yang sesuai dan berpadanan, membahagi dan memperuntukkan keseluruhan beban kepada pekerja-pekerja yang sesuai mengikut kebolehan masing-masing dan keempat adalah mengadakan mekanisme bagi menyelaraskan kerja-kerja semua staf organisasi tersebut dalam bentuk kesatuan dan pengendalian yang berkesan. Beliau juga menegaskan empat prinsip ini penting untuk memastikan proses pengorganisasian berjalan dengan lancar iaitu pengkhususan kerja, proses skala dan kefungsi, jangkaan pengurusan dan struktur. Semua proses dan prinsip ini akan diteliti dan dikenalpasti adalah ianya diaplikasikan oleh watak-watak utama atau tidak melalui pembinaan jadual senarai semak.

14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol

Teori yang diperkenalkan oleh Henry Fayol ini mempunyai 14 prinsip yang telah diperkenalkan dan telah diguna pakai dalam urusan tadbir urus. Teori ini dipilih bagi mengukuhkan lagi analisis dan dapatan kajian dalam menyentuh pembentukan dan pembinaan identiti bangsa Melayu melalui sudut pengurusan. Henry Fayol merupakan tokoh yang tidak asing dalam dunia pentadbiran dan pengurusan. Penulisan eksekutif beliau yang bertajuk *General and Industrial Management* telah banyak dijadikan sebagai rujukan serta panduan dalam bidang pentadbiran dan pengurusan. Semua prinsip ini akan dikenalpasti yang manakah dapat menyumbang kepada pengukuhan imej kepada ketiga-tiga watak utama iaitu Zainuddin (TKVDW), Poniem (MKD) dan Hamid (DBLK). Jadual berikut menyenaraikan 14 prinsip-prinsip yang telah diperkenalkan oleh Henry Fayol;

Jadual 1

14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol (sumber: Azzat Mohd Nasurdin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad, 2006)

Bil.	Prinsip	Ulasan
1	Pembahagian kerja	Pengkhususan kerja yang membawa kepada kecekapan dalam kerja
2	Autoriti	Hak untuk memberi arahan dan kuasa ketaatan dari pekerja
3	Disiplin	Disiplin diperlukan untuk menjalankan operasi organisasi
4	Uniti perintah	Seorang pekerja patut menerima arahan daripada seorang ketua sahaja
5	Satu arah	Semua aktiviti untuk mencapai objektif yang sama mesti diurus oleh seorang

6	Utamakan kepentingan organisasi	Kepentingan organisasi menjadi prioriti
7	Pengupahan	Pemberian ganjaran mesti adil bagi pihak pekerja dan majikan
8	Pemusatan	Objektif pemusatan atau pemencaran ialah untuk penggunaan kebolehan personel yang optimum
9	Rantaian skala	Skala rantaian autoriti (hirarki) dan laluan komunikasi dari atas ke bawah dan juga mendatar.
10	Susunan	Semua bahan dan sumber tersimpan di tempat tertentu begitu juga manusia dalam jawatan yang secocok dengannya.
11	Ekuiti	Pekerja dilayan dengan adil
12	Kestabilan perkhidmatan personel	Pengurangan lantik henti dan pengekalan pekerja dilakukan
13	Inisiatif	Menggalakkan pekerja mengambil inisiatif
14	Semangat kekitaan	Harmoni dan kerja berpasukan amat tinggi.

ANALISIS DATA

Prinsip Pengorganisasian Membantu Watak Utama Untuk Mencapai Objektif

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, keseluruhannya dapat diketahui bahawa prinsip telah banyak diaplikasikan oleh watak utama di dalam novel TKVDW dan novel MKD sahaja. Bagi novel ketiga iaitu novel DBLK, prinsip pengorganisasian digunakan dan diaplikasikan oleh Hamid secara minimal sahaja iaitu hanya melibatkan prinsip yang pertama sahaja. Hasil dapatan diringkaskan melalui jadual di bawah;

Jadual 2

Proses Pengorganisasian Bagi Novel TKVDW, MKD dan DBLK

Watak Utama	Zainuddin (TKVDW)	Poniem (MKD)	Hamid (DBLK)
Proses Pengorganisasian			
1. Menentukan kerja-kerja yang mesti dijalankan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan	/	/	/
2. Mengumpulkan kerja atau tugas yang telah disenaraikan ke dalam kumpulan aktiviti yang sesuai dan berpadanan	/	/	
3. Membahagi dan menguntukkan keseluruhan beban kerja yang diperlukan itu kepada pekerja-pekerja yang sesuai mengikut kebolehan masing-masing.	/	/	
4. Mengadakan mekanisme bagi menyelaraskan kerja kerja semua staf bagi oragnisasi tersebut dalam bentuk kesatuan dan pengendalian yang berkesan.			

Ringkasan daripada Jadual 2 dapat diketahui bahawa penetapan objektif dan matlamat oleh watak-watak utama dapat mempengaruhi proses pengorganisasian yang akan diaplikasikan oleh watak-watak utama. Secara tidak langsung, kita juga dapat menggambarkan sama ada watak yang

dibina oleh Hamka dalam jalan penceritaan adalah merupakan seorang yang optimis atau sebaliknya. Contohnya, watak Zainuddin dan Poniem boleh dianggap sebagai watak yang sangat optimis berbanding dengan Hamid kerana mereka telah banyak mengaplikasikan proses pengorganisasian bermula daripada permulaan dan sehinggalah pengakhiran novel. Ini menggambarkan bahawa mereka sangat teratur dalam menyusun langkah-langkah yang sewajarnya dalam usaha mencapai dan merealisasikan impian mereka. Walau bagaimanapun, hal ini berbeza dengan watak Hamid kerana perancangan yang dilakukan oleh Hamid seolah-olah menggambarkan Hamid cuba untuk mengelak dan melarikan diri dari permasalahan yang dihadapi yang mana tindakan ini mempengaruhi langkah seterusnya yang harus diambil pada peringkat pengorganisasian.

Novel TKVDW dan MKD telah meletakkan kedua-dua watak utama mempunyai kekuatan yang tersendiri kerana ketika mana prinsip pengorganisasian ditonjolkan, pembaca dapat melihat kemampuan dan kekuatan perwatakan yang cuba ditonjolkan oleh pengarang. Prinsip kedua dalam disiplin pengurusan ini juga adalah peringkat di mana permulaan bagi membentuk identiti melalui perwatakan yang dimiliki setelah melalui konflik dalam kehidupan mereka. Ketika menyusun atur proses pengorganisasian, risiko untuk watak melakukan kesilapan yang boleh menimbulkan permasalahan dalam kehidupan atau jalan penceritaan haruslah cuba dielakkan. Kekuatan bagi watak Poniem di dalam novel MKD begitu menyerlah kerana Poniem dilihat mampu mengimbangi proses pengorganisasian terhadap perniagaan dan rumah tangga dengan baik. Melalui novel ini, Hamka telah berjaya menonjolkan identiti seorang wanita yang mampu menjadi inspirasi kepada pembaca-pembaca terutamanya kepada pembaca dari golongan wanita dan remaja.

Bagi prinsip-prinsip asas pengorganisasian pula, dua prinsip asas yang berjaya ditonjolkan oleh Hamka di dalam ketiga-tiga buah novel adalah pengkhususan kerja dan proses skala dan kefungsiian. Dapatan telah diringkaskan melalui Jadual 3 di bawah;

Jadual 3

Prinsip-prinsip Asas Pengorganisasian Bagi Novel TKVDW, MKD dan DBLK

Watak Utama	Zainuddin (TKVDW)	Poniem (MKD)	Hamid (DBLK)
Prinsip-prinsip Asas Pengorganisasian			
1. Pengkhususan kerja	/	/	/
2. Proses Skala dan kefungsiian		/	
3. Jangkauan pengurusan			
4. Struktur			

Pengkhususan kerja serta proses skala dan kefungsiian banyak memainkan peranan bagi membantu ketiga-tiga watak utama dalam memastikan arahan yang diberikan oleh mereka kepada orang yang dipertanggungjawabkan menjaga kediaman dan menguruskan perniagaan dapat melaksanakan amanah yang diberi dengan sebaiknya. Watak Zainuddin dan Hamid telah mengambil keputusan untuk merantau bagi mencapai matlamat dan melupakan permasalahan yang dihadapi, mereka telah mengamanahkan harta benda mereka untuk dijaga oleh orang yang dipercayai. Di samping itu, pengorganisasian juga membantu watak-watak utama untuk memanfaatkan segala sumber yang mereka miliki dengan sebaik mungkin. Sebagai contohnya, Zainuddin memanfaatkan sumber kewangan yang ditabung dan diniagakan oleh Mak Base untuk perjalanan ke Batipuh dan menyara kehidupannya di sana. Sementara prinsip asas pengorganisasian yang ketiga dan keempat dilihat tidak mempengaruhi pengorganisasian yang telah dilakukan oleh ketiga-tiga watak utama yang terlibat.

Prinsip Pengurusan Henry Fayol Yang Menyumbangkan Kepada Pengukuhan Imej

Hamka telah berjaya menonjolkan imej-imej Melayu yang dipunyai oleh ketiga-tiga watak dengan berkesan dan hasil dapatan telah diringkaskan sebagaimana Jadual 4 senarai semak berikut;

Jadual 4

Senarai Semak Imej Melayu yang dimiliki oleh watak Zainuddin, Poniem dan Hamid.

Jenis Imej Yang Dimiliki	Zainuddin (TKVDW)	Poniem (MKD)	Hamid (DBLK)
Imej Melayu Tradisi			/
Imej Melayu Transisi	/	/	

Imej Melayu Transisi Yang Dimiliki Oleh Watak Zainuddin

Berdasarkan Jadual 4 yang telah dibina, Zainuddin dan Poniem adalah merupakan watak yang digambarkan oleh Hamka mempunyai imej Melayu transisi. Pada permulaan novel, Hamka telah menggambarkan Zainuddin sebagai seorang yang lelaki Melayu yang berimej tradisi kerana pada ketika ini Zainuddin yang telah dibesarkan di Mengkasar dalam suasana yang sederhana dan menjalani kehidupan kampung bersama ayahnya dan Mak Base. Zainuddin adalah merupakan pemuda yang sangat baik dan sopan. Ibu Zainuddin telah meninggal sejak Zainuddin masih kecil dan disusuli pula dengan bapanya beberapa tahun kemudian juga ketika Zainuddin masih leka bermain bersama anak-anak kecil yang lain. Mak Base telah diamanatkan untuk membesarkan Zainuddin sehinggalah Zainuddin meningkat dewasa dan membuat keputusan untuk berhijrah ke Padang bagi mengenali keluarga di sebelah ayahnya sambil mencari bekalan ilmu dunia dan akhirat.

Diri Zainuddin dilihat sangat matang dan pandai berdikari ditempat orang adalah berkemungkinan kerana telah kehilangan kedua-dua orang tuanya sejak dari kecil. Setelah enam bulan di kampung halaman arwah bapanya itu, barulah Zainuddin menyedari akan kebenaran terhadap nasihat yang diberikan oleh Mak Base sebelum dirinya merantau ke Padang. Namun begitu, Zainuddin tidak sesekali menunjukkan reaksi yang kurang sopan walaupun menyedari kehadirannya seakan-akan tidak diundang walaupun hakikatnya dia juga berdarah Minang. Zainuddin terkenal di kampung tersebut dikalangan gadis-gadis sebagai seorang yang baik budi pekertinya, rendah diri, terpuji dalam pergaulan dan disayangi oleh orang kampung. Zainuddin juga terkenal dengan sikap rajin belajar kerana ketika itu Zainuddin sedang berguru dengan seorang lebai yang tersohor. Namun begitu, ada ketikanya Zainuddin dilihat sebagai seorang yang suka termenung, penghiba hati, suka menyisahkan diri ke sawah yang luas, suka merenungi wajah Merapi yang diam tetapi berkata (Hamka, 2015).

Hubungan percintaan Zainuddin yang tidak direstui dan peminangannya terhadap Hayati yang telah ditolak menjadikan peribadi Zainuddin berubah seketika menjadi seorang yang putus harapan. Perasaan cinta terhadap Hayati yang begitu mendalam telah memberikan kesan yang sangat teruk dan menjejaskan kesihatan Zainuddin. Setelah Hayati berkahwin dengan Aziz, secara perlahan-lahan Zainuddin bangkit membina kembali kehidupan dengan ditemani oleh Muluk yang tidak jemu memberikan dorongan kepada Zainuddin untuk menggunakan kebolehan mengarang yang dimiliki dan menghasilkan hikayat-hikayat untuk bacaan masyarakat. Penghijrahan Zainuddin ke beberapa kota di Indonesia ditemani Muluk telah secara perlahan-lahan mengubah kehidupan Zainuddin menjadi seorang yang berimej Melayu Moden. Jikalau dahulu Zainuddin adalah seorang yang penyepi dan hanyalah mempunyai pergaulan yang sangat terhad, namun kini tidak lagi apabila sudah mencipta nama dalam dunia kepengarangan dan penerbitan. Zainuddin sudah pandai bergaul dan membina persahabatan, kawan-kawan di sekeliling Zainuddin juga adalah orang-orang yang ternama dan berjaya dalam perusahaan. Selain itu, Zainuddin juga mempunyai ramai peminat yang sentiasa tertunggu akan hasil penulisan dalam akhbar-akhbar mahupun majalah-majalah. Perubahan ini telah digambarkan Hamka bermulanya pada Bab 17 (Jiwa Pengarang).

Begitulah perubahan Zainuddin yang dilihat kearah positif walaupun sudah membawa imej Melayu moden tetapi yang sebahagian besarnya menganggap perubahan ke arah moden kebanyakannya adalah negatif. Namun, imej Zainuddin yang memaparkan tradisi dan moden secara seimbang oleh Hamka telah mampu membuktikan identiti orang Melayu pada ketika itu adalah sangat tinggi jati dirinya walaupun setelah mengecapi kejayaan dan kemewahan. Mereka tidak sesekali melupakan asal-usul dan didikan yang mereka perolehi sejak kecil.

Imej Melayu Transisi Yang Dimiliki Oleh Poniem

Imej Poniem mengikut gambaran Hamka adalah juga seperti imej yang dimiliki oleh Zainuddin iaitu mempunyai imej tradisi dan moden atau dikenali sebagai transisi. Namun perbezaannya adalah pada awal permulaan novel MKD, Poniem telah membawa imej moden manakala imej tradisi hanyalah begitu terserlah ketika di plot perkembangan iaitu setelah Poniem melangsungkan pernikahan bersama Leman. Ketika mula merantau ke Tanah Deli, Poniem bekerja sebagai kuli kontrak dan kemudiannya telah diambil oleh Mandur Besar sebagai perempuan simpanan. Mengikut luahan hati Poniem kepada Leman, Poniem tidak sesekali menyangka bahawa dia berkemungkinan terjerumus ke dalam kehidupan dunia kuli-kuli sedangkan Poniem asalnya adalah dari keluarga yang baik-baik. Setelah melalui keperitan hidup apabila ditipu oleh lelaki yang bergelar suami sebanyak dua kali, peristiwa tersebut telah menyebabkan Poniem sedikit trauma dalam menjalani kehidupan berumah tangga. Maka, hal sedemikian telah sedikit sebanyak menjadi punca kepada Poniem sanggup dirinya diambil sebagai perempuan simpanan mandur besar.

Walaupun Poniem menyedari bahawa dirinya hanyalah perempuan simpanan tetapi kehidupan bersama Mandur Besar adalah bahagia. Segala kelengkapan, makan minum dan barang kemas disediakan oleh Tuan Mandur kepada Poniem. Kecantikan Poniem makin terserlah dengan segala macam kelengkapan yang membaluti tubuhnya. Keselamatan Poniem juga lebih terjamin kerana Poniem tidak lagi diganggu oleh kuli-kuli lelaki yang lain kerana mereka takut pada Tuan Mandur. Poniem menyedari bahawa kehidupannya ini adalah sama sekali berdosa kerana bergaul diluar nikah, namun Poniem merelakan hal tersebut kerana tuan mandur adalah sebangsa dengannya. Sesekali terlintas juga difikiran Poniem untuk keluar dari penghidupannya sekarang namun kepada siapakah Poniem harus meletakkan kepercayaan kerana pengalaman terdahulu membuatkan dirinya lebih berhati-hati mengatur kehidupan terutamanya dalam soal perkahwinan. Setelah dipujuk beberapa kali oleh Leman dan berfikir dengan sehabis-habisnya, Poniem telah bersetuju menerima pinangan Leman untuk menjadikan dirinya sebagai isteri yang sah. Mereka telah melangsungkan perkahwinan di luar Tanah Deli dan membina kehidupan baru di Medan.

Bermula detik itu, perubahan pembawakan imej Poniem telah mula ditonjolkan oleh Hamka bersesuaian dengan perkembangan plot penceritaan. Poniem dilihat sudah berubah menjadi seorang isteri yang hampir keseluruhan masanya adalah digunakan untuk menguruskan rumah tangga. Bab Empat (Hakikat Rumah Tangga) telah merakamkan perubahan yang dialami oleh Poniem dalam membina kehidupan baru bersama Leman. Oleh kerana terbiasa dengan adat Minangkabau, Leman tidak sesekali membiarkan Poniem mencampuri hal berkaitan dengan perniagaannya kerana hakikatnya tanggungjawab seorang suami adalah keluar mencari rezeki dan isteri di rumah harus menerima seadanya sehinggakan hal ini telah menimbulkan keraguan di hati Poniem terhadap Leman adakah dia masih dianggap sebagai orang asing. Adat seorang isteri yang menemani susah senang si suami, begitulah juga gambaran Hamka akan imej Melayu tradisi Poniem. Poniem juga sanggup mempertaruhkan barang kemasnya untuk dijadikan modal kepada Leman memperbesarkan perniagaan. Sejak dari itu, bermulalah episod baru bagi pasangan suami isteri ini apabila masing-masing tiada lagi keraguan dan perasaan berbelah bagi diantara satu sama lain. Semakin hari semakin besar keberuntungan yang diperolehi dan kehidupan mereka juga semakin senang. Hal ini menjadi sebutan sehingga ke kampung halaman Leman di Padang.

Setelah berpeluang membawa Poniem untuk pulang ke kampung dan mengenali kaum kerabat Leman yang lain, mereka kesemuanya rata-rata memuji keperibadian Poniem yang sangat pandai bergaul dan membawa diri. Baru sahaja mereka sampai ke kampung, namun ianya sudah menjadi buah mulut di kalangan perempuan-perempuan muda bahawa isteri Leman adalah seorang yang baik budi. Boleh dikatakan tiada langsung perangai Poniem yang mereka tidak berkenan, tetapi apa yang kurang hanyalah Poniem bukan berketurunan Minang sahaja. Imej Melayu tradisi kekal dalam diri Poniem walaupun kesabaran Poniem teruji dalam kehidupan bermadu. Sebagai seorang isteri yang taat, Poniem menghormati keputusan Leman bagi melangsungkan perkahwinan buat kali kedua bersama orang kampung sendiri seperti mana yang dituntut oleh adat Minang. Poniem menerimanya dengan hati yang terbuka walaupun pada awalnya sedikit sukar bagi Poniem menerima hakikat tersebut. Poniem tetap menjalankan tanggungjawab sebagai seorang isteri seperti biasa walaupun diuji dengan sikap madunya iaitu Mariatun yang kadang kala mencabar kesabarannya.

Wanita pada zaman dahulu sememangnya sangat tabah dan cekal hati bagi mengharungi hidup dalam kesusahan walaupun hakikatnya sebelum berkahwin mereka lebih banyak bergantung kepada suami. Namun, setelah melalui kehidupan sebagai janda, ia tidak sesekali melunturkan semangat mereka untuk berusaha berdikari sendiri yang kadang kala boleh digambarkan juga sebagai ciri-ciri wanita moden. Wanita moden pada masa sekarang terutamanya lebih banyak berdikari dan tidak mengharap kepada lelaki. Imej transisi ini telah menjadikan watak Poniem sebagai wanita Melayu yang boleh dijadikan inspirasi kepada para pembaca terutama daripada golongan wanita.

Imej Melayu Tradisi Yang Dimiliki Oleh Hamid

Imej berikut adalah imej Melayu yang dimiliki oleh watak pilihan ketiga dalam novel DBLK iaitu Hamid. Berdasarkan analisis yang diringkaskan di dalam Jadual 4, Hamid memiliki imej Melayu tradisi iaitu merupakan imej yang konsisten bermula dari permulaan sehinggalah ke pengakhiran novel. Ketika dari kecil, imej Hamid telah digambarkan sebagai kanak-kanak yang baik dan sopan. Hamid telah dibesarkan oleh seorang ibu tunggal yang menyara kehidupan dengan hasil jualan. Hamid adalah anak yang rajin kerana membantu ibunya dengan menjaja pisang goreng di sekitar kampung halaman dengan berjalan kaki. Hamid tidak mampu untuk dihantar menerima pendidikan di sekolah secara rasmi kerana kesempitan hidup yang dialami. Namun begitu, dalam hati kecil ibu Hamid tetap masih bercita-cita agar Hamid mampu menerima pendidikan dengan baik terutamanya dari segi ilmu agama. Ketaatan Hamid kepada ibunya tidak mampu dipertikaikan kerana sedang rakan-rakan seusianya leka bermain dan mampu ke sekolah, Hamid telah memikul tanggungjawab untuk membantu ibunya mencari rezeki.

Hamid adalah seorang yang bertuah kerana persekolahannya telah dibiayai oleh dermawan Engku Haji Ja'far sebermula dari awal sehinggalah tamat diploma di Padang Panjang. Setelah meningkat dewasa, Hamid telah mulai menyimpan perasaan kasih dan sayang kepada Zainab yang lebih dari seorang adik. Ibu Hamid telah menyedari hal tersebut dan segera menasihati Hamid agar melupakan perasaannya itu kerana mereka tidaklah sesuai untuk keluarga Engku Haji Ja'far. Tambahan pula, sudah pasti mereka telah menyusun jodoh Zainab bersama kemenakan mereka sendiri kerana begitulah adat budaya orang Minangkabau. Sebagai anak yang akur dengan nasihat ibu, Hamid cuba untuk melupakan perasaannya itu saat hatinya mengingati Zainab. Hal ini dipertingkatkan lagi apabila saat Mak Asiah mengajak Hamid datang ke rumah iaitu bagi menolong memujuk Zainab untuk bersetuju dengan perancangan bagi menjodohkan Zainab dengan saudaranya di sebelah arwah Engku Haji Ja'far. Oleh kerana telah menganggap Mak Asiah sebagai ibu kandungnya sendiri dan mementingkan hubungan kekeluargaan, Hamid tidak sampai hati untuk menghampakan permintaan Mak Asiah. Hamid telah cuba memujuk Zainab, namun begitu Zainab tetap dengan pendirian bahawa dirinya masih belum bersedia untuk berkahwin.

Kekecewaan yang dialami oleh Hamid telah menjadikan Hamid seorang yang semakin tabah dan menjadi hamba yang semakin taat. Kekecewaan yang sedikit merenggut hati Hamid telah membawa kepada suatu tekad untuk Hamid berhijrah. Bermulalah kehidupan berdikari Hamid jauh dari masyarakat Minangkabau seorang diri ke tempat yang belum pernah dijejakkan kaki sepanjang kehidupannya bermula dari Medan, Singapura, Bangkok, Tanah-tanah Hindustan, Karachi, Basrah, Irak, Sahara Nejd dan akhirnya tiba di Makkah. Setibanya musim haji setelah setahun berada di Makkah, Hamid telah berkenalan dengan Salleh dan Hamka ketika dalam perjalanan menunaikan ibadah Haji. Hakikatnya kisah kekecewaan yang dilalui oleh Hamid adalah merupakan rahsia yang dipendam seorang sendiri namun kerana mempercayai sahabatnya yang budiman iaitu Hamka, Hamid telah memberanikan diri untuk menceritakan peristiwa tersebut dan ternyata benarlah tekaan Hamka bahawa Hamid yang banyak termenung sebenarnya memendam kisah yang perit dalam kehidupan. Hamid tetap tenang dan yakin segala-galanya yang berlaku adalah kehendak Allah swt dan pastinya akan muncullah jalan keluar bagi setiap permasalahan. Imej Melayu tradisi Hamid yang statik bermula daripada permulaan dan pengakhiran novel telah membuktikan bahawa Hamka ingin memberikan gambaran kepada pembaca akan pengukuhan identiti masyarakat Melayu pada zaman 1920-an dan 1930-an.

Setelah mengenal pasti imej-imej yang dimiliki oleh setiap watak-watak utama dan dan sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, dapat disimpulkan bahawa imej-imej yang dibentuk ini

telah dikukuhkan oleh empat prinsip iaitu disiplin, utamakan kepentingan organisasi, rantaian skala dan semangat kekitaan yang diringkaskan melalui jadual berikut;

Jadual 5

Senarai Semak Elemen Imej Berdasarkan 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol
 (Sumber: Aizzat Mohd Nasurdin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad, 2006)

Bil.	Prinsip	Zainuddin	Poniem	Hamid
1	Pembahagian kerja (Pengkhususan kerja yang membawa kepada kecekapan dalam kerja)			
2	Autoriti (Hak untuk memberi arahan dan kuasa ketaatan dari pekerja)			
3	Disiplin (Disiplin diperlukan untuk menjalankan operasi organisasi)	/	/	/
4	Uniti perintah (Seorang pekerja patut menerima arahan daripada seorang ketua sahaja)			
5	Satu arah (Semua aktiviti untuk mencapai objektif yang sama mesti diurus oleh seorang)			
6	Utamakan kepentingan organisasi (Kepentingan organisasi menjadi prioriti)	/	/	/
7	Pengupahan (Pemberian ganjaran mesti adil bagi pihak pekerja dan majikan)			
8	Pemusatan (Objektif pemusatan atau pemencaran ialah untuk penggunaan kebolehan personel yang optimum)			
9	Rantaian skala (Skala rantaian autoriti (hirarki) dan laluan komunikasi dari atas ke bawah dan juga mendatar)	/	/	/
10	Susunan (Semua bahan dan sumber tersimpan di tempat tertentu begitu juga manusia dalam jawatan yang secocok dengannya)			
11	Ekuiti (Pekerja dilayan dengan adil)			
12	Kestabilan perkhidmatan personel (Pengurangan lantik henti dan pengekalan pekerja dilakukan)			
13	Inisiatif (Menggalakkan pekerja mengambil inisiatif)			
14	Semangat kekitaan (Harmoni dan kerja berpasukan amat tinggi)	/	/	/

Empat prinsip yang ketengahkan oleh Henry Fayol ini telah berjaya memperkukuhkan imej yang dimiliki oleh Zainuddin, Poniem dan Hamid. Kesepaduan empat elemen ini juga telah menjadikan identiti watak utama telah menggambarkan ciri-ciri kemelayuan yang sangat kukuh bersesuaian

dengan plot penceritaan binaan Hamka selain penekanan agar tema, persoalan, nilai dan pengajaran yang cuba diketengahkan oleh Hamka dapat disampaikan kepada para pembaca.

PERBINCANGAN

Hasil analisis yang telah dilakukan terhadap watak Zainuddin, Poniem dan Hamid, imej Melayu yang cuba ditonjolkan oleh Hamka dalam tiga buah novel ini adalah merupakan imej Melayu tradisi dan imej Melayu Transisi. Sebagaimana yang telah dipersetujui oleh A. Wahab Ali (1989), imej tradisi adalah imej yang diwarisi daripada nilai-nilai kepercayaan keturunan mereka yang disampaikan secara lisan dan amalan seharian. Keturunan ini keturunan yang menjalani kehidupan dalam masyarakat sebelum meresapnya pengaruh barat dan arus pemodenan. Dalam mengekalkan imej Melayu tradisi ini, sudah pasti pengarang akan mencuba sedaya upaya dalam memastikan imej tersebut berjaya dibawa oleh mereka dengan sebaik mungkin agar matlamat utama pengarang dalam menyampaikan sesuatu mesej kepada para pembaca tercapai. Bagi imej transisi pula adalah merupakan watak yang mempunyai imej Melayu yang berciri-cirikan tradisi dan moden. Kedua-dua ciri ini telah diserapi ke dalam diri watak adalah bersesuaian dengan plot yang telah dibina.

Hamka telah menggambarkan imej Melayu tradisi dan transisi bagi dua watak iaitu watak Zainuddin dan Poniem. Namun yang membezakan dua imej ini adalah kedudukan imej tersebut di dalam plot dan latar novel. Bagi watak Zainuddin, imej transisi adalah imej yang digambarkan oleh Hamka kerana ketika bahagian permulaan novel Zainuddin telah diperkenalkan oleh Hamka sebagai watak yang berimej Melayu tradisi dan secara perlahan-lahan kemudiannya telah berubah membawa imej Melayu moden apabila Zainuddin telah berjaya mengembangkan karier dalam bidang kepengarangan dan gaya kehidupannya telah berubah bersesuaian dengan penghijrahan ke beberapa kota di Tanah Indonesia serta pergaulan yang semakin luas. Begitu juga dengan watak Poniem yang membawa imej Melayu Transisi kerana watak Poniem bermula dengan membawa imej sebagai moden pada permulaan novel namun telah berubah menjadi wanita Melayu yang berimej tradisi setelah berkahwin dengan Leman.

Imej transisi dan tradisi yang cuba ditonjolkan oleh Hamka melalui ketiga-tiga buah karya yang diterbitkan sekitar era 1920-an sehingga 1930-an adalah menggambarkan realiti kehidupan sebenar masyarakat Melayu Minangkabau pada ketika itu. Bersesuaian dengan perubahan dan konflik kehidupan yang dihadapi dalam kehidupan watak iaitu Zainuddin dan Poniem, mereka telah berubah tetapi dalam masa yang sama tetap mengekalkan ciri-ciri kemelayuan masyarakat pada zaman tersebut. Adat Minangkabau telah mengikat mereka dalam menonjolkan imej transisi tetapi masih teguh dengan pendirian yang dijunjung kerana adat yang telah dijadikan panduan dan rujukan dalam kehidupan seharian masyarakat. Hamka selaku pengarang yang juga merupakan orang Minangkabau telah berjaya mengekspresikan idea dengan garapan plot yang sangat menarik sehingga imej kedua-dua watak ini membekas dihati para pembaca. Bagi watak Hamid pula, Hamka telah mengekalkan imej Hamid yang mempunyai imej Melayu tradisi bermula dari permulaan hingga pengakhiran novel DBLK. Konsistensi imej yang dimiliki Hamid juga adalah mencerminkan imej sebilangan masyarakat Melayu pada zaman 1920-an dan 1930-an yang tetap kekal teguh walaupun ditimpa pelbagai dugaan yang kadang kala menguji jati diri dan pendirian mereka.

Walaupun prinsip Henry Fayol adalah tipikal digunakan dalam bidang pengurusan semata-mata namun dalam bagi proses pembinaan identiti juga adalah merupakan sesuatu yang amat diperlukan. Ketiga-tiga watak utama ini juga dilihat memainkan peranan yang begitu dominan dalam memberi kesan yang amat besar kepada jalan cerita yang telah dibina oleh pengarang dan dalam masa yang sama bagi kehidupan yang sebenar. Melalui watak-watak ini juga, ia jelas telah membuktikan bahawa prinsip pengorganisasian dan 14 Prinsip Pengurusan Henry Fayol ini telah diaplikasikan oleh mereka dalam usaha menguruskan kehidupan seharian, ketika menghadapi konflik dan berusaha mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

KESIMPULAN

Proses pembinaan ideniti bangsa Melayu di dalam karya telah giat dibincang dan diketengahkan oleh para sarjana terutamanya dalam kalangan sarjana tempatan. Sebagai bidang yang begitu sinonim dalam mencerminkan jati diri dan identiti bangsa Melayu melalui karya-karya sastera yang telah

dihasilkan, bidang kesusasteraan Melayu dilihat mempunyai kekuatannya yang tersendiri dan haruslah diperkukuhkan. Bagi membina sesebuah negara yang mempunyai bangsa yang berjaya, mempunyai jati diri dan identiti yang kukuh, perancangan yang sesuai haruslah dipergiatkan dan usaha daripada pelbagai pihak dalam merencanakan kesedaran serta rasa tanggungjawab di dalam komuniti adalah tidak terkecuali.

Keunikan-keunikan karya sastera juga tidak dapat disangkal dan kehebatan pengarang yang bijak menghasilkan karya berdasarkan pemerhatian dalam dunia realiti yang terjadi dalam anggota masyarakat menjadikan karya-karya mereka dekat di hati pembaca. Kesesuaian karya-karya yang menjadi santapan bacaan kepada pembaca pelbagai generasi umur dan zaman telah menjadikan karya-karya ini masih sesuai untuk dibaca walaupun telah ditulis pada abad yang berbeza. Selain itu juga, relevansi penerapan disiplin pengurusan ke dalam dunia sastera moden sebagai metod kritikan adalah merupakan salah satu usaha bagi memantapkan bidang kesusasteraan dan merencanakan kembali dunia kesusasteraan Melayu di tanah air. Arus modenisasi menjadikan bidang kesusasteraan Melayu tetap bergerak seiring dan para sarjana, penggiat sastera dan pihak kerajaan saling bergandingan dalam memeriahkan dunia sastera di dalam dan di luar negara. Apatah lagi dalam waktu dunia pada masa kini sedang dilanda arus teknologi maklumat seperti mana yang ditegaskan oleh (Abdul Halim, *et al*, 2020) bahawa sastera Melayu perlu dilihat sentiasa sesuai dan fleksibel dengan perubahan semasa khususnya dalam era informasi.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin, Mazdi Marzuki, Miftachul Huda (2020) Digital Approach of Malay Literature through Interactive Computer Method (ICM): A Proposed Framework Model, *Solid State Technology*, 63 (6), 12651-12666
- Abdul Halim Ali (2016) *Mendekati puisi Melayu tradisional*. Tanjong Malim: Profesional Baharu
- Abdul Rahman Embong. (1999). Identiti dan Pembentukan Identiti. *Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan*. 5 (5), 3-15.
- Abdullah, I. R., & Ali, A. H. (1). Terapan Konsep Feminisme Talbiah Dalam Cerpen Akar Cinta Karya Aminah Mokhtar. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 46 - 85. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/27>
- Ahmad, Z., Abdul Wahid, A., & Ali, A. H. (2020). Kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel Imam. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 16-27. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/125>
- Azzat Mohd Nasurdin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad. (2006). *Pengantar Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ali, A. H., & Mohamad, A. (2015). Novel Episod Cinta Di Tanah Hijrah Dalam Bacaan Intertekstualiti. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 3(1), 1 - 33. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/69>
- Bartol, Kathryn M. & Martin, David C. (1994). *Management*. 2nd ed. U.S.A: McGraw-Hill, Inc.
- Certo, S.C. (1997). *Modern Management*. 7th ed. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Chek Mat (2007). *Pengurusan Imej*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Daft, R.L. (1997). *Management*. 4th Ed. Orlando: The Dryden Press.
- Fathin Noor Ain Ramli & Azhar Wahid (2019). Pengurusan Identiti Bangsa Dalam Trilogi Karya Hamka. *Jurnal Peradaban Melayu*, 14 (1) 35-48.
- Hamka. (2015). *Di Bawah Lindungan Ka'bah*, PTS Publications & Distributors Sdn Bhd; Kuala Lumpur.
- Hamka. (2015). *Merantau Ke Deli*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd; Kuala Lumpur.
- Hamka. (2015). *Tenggelamnya Van Der Wijck*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd; Kuala Lumpur.
- Haryati Abdul Karim. (2014). Globalisasi, Penggunaan Media Dan Identiti Hibrid Di Kalangan Remaja Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo*. Vol 1.
- Hj. Wahid, A. (2013). Kajian Emosi Dalam Kesusasteraan Melayu: Sumbangan Kepada Penghayatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 1(1), 21 - 40. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/97>

- Hj. Wahid, A. (2014). Worldview Pengukuhan Membina Jati Diri Bangsa Dalam Novel Di Penghujung Rindu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 2(1), 68 - 83. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/86>
- Jaafar Muhamad. (2003). *Asas Pengurusan*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Manuel Castells. (1997). *The Power of Identity*. Massachusetts: Blackwell Publishers.
- Mohd Hizam Hahafiah dan Zafir Mohd Makhbul. (2003). *Pengurusan Organisasi*. Edisi Kedua. Malaysia: Mc Graw Hill Sdn Bhd.
- Mohamad Zubir Ismail & Mohamad Mokhtar Hassan. (2017). Prinsip Perancangan Dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda. Dlm *Journal of Business and Social Development*, Volume 5 Number 1, March 2017: 123-139.
- Nurul Izzah Sidek. 2011. *Remaja Dan Krisis Identiti*. *Utusan Malaysia Online*. Dimuat turun pada 11 Disember 2016 dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1103&pub=UtusanMalaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_05.htm#ixzz4XZy24CyZ © Utusan Melayu (M) Bhd.
- Paul Morris. (2005). Religion and Identity: The New Zealand Spirit. Dlm Asmah Haji Omar & Paul Morris. (2005). *Religion and Identity*, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim, 1-19
- Rancangan Malaysia Ke Sebelas, 2016-2020: Bab 5 Meningkatkan Pembangunan Modal Insan Untuk Negara Maju*. Dicapai pada 8 November 2018 dari <http://epu.gov.my/ms/rmk/rancangan-malaysia-kesebelas-2016-2020>.
- Robbins, Stephen P. & Coutler, Mary. (2005). *Management*. 8th Ed. New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Sa'Adiah Mat Alip. (2011). Sikap Bahasa dan Identiti: Kajian Kes Masyarakat Narum, Sarawak. Dlm *Jurnal Melayu* (6) 2011: 57-72.
- Shahnon Ahmad. (1991). *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siddiq Fadzil. (2012). *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. Selangor: Gemilang Press Sdn Bhd.
- Wan Sallha Yusoff, Nurul Syazwani, Ahmad Fahmi Mahmood dan Noor Asliza Abdul Rahim. (2010). "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penentuan Identiti Diri Remaja Melayu". Kertas Kerja *Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa*, 29-31 Mac 2010 anjuran Universiti Malaysia Perlis.
- Yuszaidy Mohd Yusoff & Ghaddaffi Hanafiah. (2015). Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu Di Malaysia. Dlm *Jurnal Komunikasi Malaysian*, 31(2) 2015: 33-46.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf dan Abdul Fatah. (2012). Islam Asas Pembentukan Jati Diti Bangsa Melayu-Muslim. Dlm *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 129-141.